

IKLAN TAWARAN SEBUTHARGA BAGI PERKHIDMATAN MEREKA BENTUK DAN MENCETAK BUKU LAPORAN TAHUNAN 2013 DI INSTITUT DIPLOMASI DAN HUBUNGAN LUAR NEGERI (IDFR) BAGI TAHUN 2014

BAHAGIAN I - KENYATAAN TAWARAN

**KERAJAAN MALAYSIA
INSTITUT DIPLOMASI DAN HUBUNGAN LUAR NEGERI (IDFR)**

SEBUTHARGA BAGI PERKHIDMATAN MEREKA BENTUK DAN MENCETAK BUKU LAPORAN TAHUNAN 2013
DI INSTITUT DIPLOMASI DAN HUBUNGAN LUAR NEGERI (IDFR) BAGI TAHUN 2014

1. Tawaran adalah dipelawa kepada penyebutharga-penyebutharga tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah **Kod Bidang 222002** atau **Nombor Kod Lama 221502** yang masih berkuatkuasa.

Tajuk Sebutharga	Kategori	Kod Bidang	No. Tender	Tarikh Iklan	Tarikh Tutup
Sebutharga bagi perkhidmatan mereka bentuk dan mencetak buku laporan tahunan 2013 di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDFR) bagi tahun 2014	Media Cetak Tidak Termasuk Kerja Percetakan	222002 atau Nombor Kod Lama 221502	IDFR/BPK/(S)/06/2014	Mulai 24 Mac 2014 (Isnin)	Tarikh Tutup Iklan dan Penyerahan Dokumen Sebutharga 4 April 2014 (Jumaat) jam 12.00 tengah hari

2. Penyebutharga-penyebutharga yang ingin menyertai sebutharga ini hendaklah mendaftar di **Seksyen Kewangan IDFR di Tingkat 5 Blok C mulai 24 Mac 2014 (Isnin) hingga 4 April 2014 (Jumaat) selewat-lewatnya jam 12.00 tengah hari.**

3. Pendaftaran ini adalah bertujuan untuk IDFR mendaftarkan Penyebutharga bagi menyertai sebutharga ini. Selepas IDFR mendaftarkan Penyebutharga ini, maka Dokumen Sebutharga akan diberi secara percuma.

4. Semasa pendaftaran, Penyebutharga perlu mengemukakan **SALINAN ASAL** dan **SALINAN FOTOSTAT** (tidak dikembalikan) seperti berikut:-

- 4.1 Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor dari Kementerian Kewangan; dan
- 4.2 Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor Bumiputera dari Kementerian Kewangan (jika ada)

Sekiranya Penyebutharga tidak mempunyai Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor dan mempunyai sijil Virtual, Penyebutharga hendaklah mengemukakan Nombor Pendaftaran Syarikat dengan Kementerian Kewangan kepada urusetia bagi penyemakan dan pengesahan status pendaftaran syarikat.

5. Sekiranya tuan/puan berminat untuk menyertai sebutharga ini, sila hantar **sebutharga** berserta salinan dokumen-dokumen seperti berikut:


- I. Salinan Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
 - II. Salinan Sijil dari Kementerian Kewangan- Akuan Pendaftaran Kontraktor dalam kod bidang 222002 atau Nombor Kod Lama 221502 (media cetak tidak termasuk kerja percetakan);
 - III. Profil Syarikat berserta pengalaman terkini;
 - IV. Salinan Penyata Akaun Bank Syarikat Terkini;
 - V. Tiga *mockup* kulit dan bahagian dalam yang ingin dicadangkan; dan
 - VI. Dokumen-dokumen lain yang berkaitan.
6. **Borang Sebutharga yang lengkap** berserta **Dokumen Sokongan** hendaklah dihantar ke Seksyen Kewangan IDFR di Tingkat 5 Blok C dan dimasukkan ke dalam **Peti Sebutharga** selewat-lewatnya pukul **12.00 tengah hari** pada **4 April 2014 (Jumaat)**. Sampul surat tersebut hendaklah dilakri serta dicatatkan **Nombor Sebutharga IDFR/BPK/(S)/06/2014** pada penjuru atas sebelah kiri sampul surat tersebut dan dialamatkan kepada:

Ketua Pengarah,
Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDFR),
Jalan Wisma Putra,
50460 Kuala Lumpur.

Tawaran sebutharga yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.

7. Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDFR) tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab atas penolakan sesuatu tawaran sebutharga.
8. Sebarang pertanyaan berkaitan sebutharga ini boleh diajukan kepada **Encik Mohd. Azwan Fikri Mohd Idris / fikri_jani92@yahoo.com / 03-2149 1086 (pejabat)** atau **Cik Aida Hanim Shoib / aida_hanim@idfr.gov.my / 03-2149 1160 (pejabat)**.

Sekian, terima kasih.



(RAHIMAH YEOP)

PENGARAH, BAHAGIAN PENGAJIAN AKADEMIK, PENYELIDIKAN DAN PENERBITAN
INSTITUT DIPLOMASI DAN HUBUNGAN LUAR NEGERI (IDFR)

Tel: 03-2149 1007